

TAHAP KEPUASAN DAN PERSEPSI MAHASISWA TERHADAP KERELEVANAN PERATURAN DI UNIVERSITI

(Students Level of Satisfaction and Perceptions of the Relevance of University Regulations)

DANIA ARISSA MUHAMAD ZAHARIN, NUR ADRIANA NADHIRA ABDULLAH, NIK
SHAH NAZRAN SYAHRIL, AHMAD FAKHRURRAZIEY AZRIMI & FAKHRU'
MIKHAEL YAFAR, NURUL HANIS AMINUDDIN JAFRY, AZLAN ABDUL RAHIM*

ABSTRAK

Kajian ini meneliti tahap kepuasan dan persepsi mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia terhadap peraturan universiti. Meskipun peraturan universiti sering diberi penekanan, namun, tahap kefahaman pelajar mengenai rasional penguatkuasaan peraturan masih kurang jelas. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif melalui edaran soal selidik kepada 110 mahasiswa daripada pelbagai fakulti. Data dianalisis menggunakan SPSS bagi menilai tahap kepuasan dan persepsi mahasiswa terhadap peraturan universiti. Dapatan menunjukkan majoriti responden iaitu 48.18% dilihat memilih neutral apabila ditanya mengenai tahap kepuasan mereka dengan segala peraturan sedia ada yang terdapat di dalam UKM. Selain itu, beban kewangan akibat pembayaran denda dikenal pasti sebagai persepsi negatif pelajar terhadap peraturan universiti dimana 39.64% responden menyatakan persetujuan terhadap soalan yang diajukan. Kenyataan berkaitan keperluan pelajar memenuhi sejumlah bilangan citra sebagai syarat bergraduasi pula mendapat peratusan tidak setuju yang tertinggi iaitu sebanyak 32.73%. Kajian ini mencadangkan agar rasional setiap peraturan diperjelas bagi meningkatkan pematuhan dan kepuasan dalam kalangan mahasiswa serta mengubah persepsi negatif pelajar terhadap peraturan sedia ada. Disamping itu, penelitian semula peraturan yang dianggap kurang relevan adalah amat penting untuk memastikan kesejahteraan sosial dalam kalangan mahasiswa.

Kata kunci: Kerelevanan peraturan; Peraturan universiti; Tahap kepuasan pelajar.

ABSTRACT

This study examines the level of satisfaction and perceptions of Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) students toward university regulations. Although university regulations are often emphasized students understanding of the rationale behind the enforcement of these regulations remains unclear. This study employs a quantitative research design through the distribution of questionnaires to 110 students from various faculties. The data were analyzed using SPSS to assess students satisfaction levels and their perceptions of university regulations. The findings show that the majority of respondents (48.18%) selected neutral when asked about their satisfaction with the existing regulations in UKM.

Please cite this article as: Dania Arissa Muhamad Zaharin, Nur Adriana Nadhira Abdullah, Nik Shah Nazran Syahril, Ahmad Fakhrurraziey Azrimi & Fakhru' Mikhael Yafar, Nurul Hanis Aminuddin Jafry, Azlan Abdul Rahim. 2025. Tahap Kepuasan Dan Persepsi Mahasiswa Terhadap Kerelevanan Peraturan Di Universiti, *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* 26(1):169-186

In addition, financial burden due to penalty payments was identified as a negative perception toward university regulations, with 39.64% of respondents agreeing with the statement presented. Meanwhile, the statement regarding the requirement for students to fulfil a specific number of elective course (Citra) as a graduation condition received the highest percentage of disagreement at 32.73%. This study suggests that the rationale behind each regulation should be clarified in order to enhance compliance and satisfaction among students, as well as to reduce negative perceptions toward existing regulations. Furthermore, revisiting regulations perceived as less relevant is crucial to ensuring social well-being among students.

Keywords: Relevance of regulations; University regulations; Student satisfaction level.

PENGENALAN

Persepsi mahasiswa terhadap peraturan universiti memainkan peranan penting dalam membentuk pengalaman akademik mereka di institusi pengajian tinggi. Sesetengah mahasiswa melihat peraturan sebagai garis panduan penting yang memupuk persekitaran pembelajaran yang tersusun dan berdisiplin serta menggalakkan kecemerlangan akademik dan pertumbuhan peribadi. Mereka percaya bahawa patuhan peraturan universiti dapat memupuk rasa tanggungjawab dan komitmen yang menyumbang kepada komuniti akademik yang positif.

Namun begitu, terdapat mahasiswa yang mungkin menganggap peraturan universiti tertentu tidak diperlukan atau tidak relevan kerana ia menyekat peluang mahasiswa dalam melakukan sesuatu perkara. Individu ini mungkin berpendapat bahawa beberapa peraturan menghalang kebebasan peribadi dan kreativiti mereka. Persepsi sedemikian mungkin timbul daripada kekurangan pemahaman mengenai rasional di sebalik peraturan tertentu. Sentimen ini juga berkemungkinan impak daripada kekurangan komunikasi yang telus. Justeru, penting bagi pentadbiran universiti melibatkan diri dalam dialog terbuka bersama mahasiswa untuk menangani kebimbangan dan memberikan penerangan yang jelas tentang tujuan dan kepentingan pelbagai peraturan bagi memupuk pendekatan kolaboratif dan inklusif dalam pelaksanaan peraturan.

Arikunto (1990) menyatakan bahawa peraturan sama ada secara am atau khusus, terdiri daripada tiga elemen penting: 1) larangan serta perbuatan dan tingkah laku yang mesti dipatuhi, 2) akibat dan hukuman bagi orang yang melanggar peraturan, dan 3) kaedah atau cara penyampaian peraturan sekolah kepada semua yang berkenaan. Garis panduan ini bertujuan untuk memastikan bahawa para pendidik dan pelajar menyedari hak, kewajipan dan tanggungjawab mereka. Peraturan memastikan mahasiswa sedar dan mematuhi semua aktiviti yang dijadualkan dengan memberikan penjelasan tentang tingkah laku yang boleh diterima yang dapat meningkatkan prestasi dan mengelakkan isu. Oleh itu, menggalakkan mahasiswa mematuhi disiplin ialah matlamat utama peraturan dalam pendidikan. Tambahan pula, matlamat utama ini adalah untuk menjaga disiplin dan keselamatan sekolah. Dengan mengikuti garis panduan ini, sekolah dapat mengekalkan disiplin dengan berkesan dan memupuk suasana pembelajaran yang kondusif (Huda, 2011).

Di samping itu, Cao (2019) menyatakan bahawa kesahan peraturan dalaman di universiti merangkumi tiga dimensi utama. Pertama, peraturan ini mesti diselaraskan dengan sumber

undang-undang formal untuk mengelakkan konflik. Bagaimanapun ini tidak bermaksud peraturan tersebut mempunyai kesan kehakiman dan fungsi sebagai asas undang-undang. Kedua, kebolehkendalian peraturan dalaman adalah penting yang memerlukan daya maju praktikal untuk pelaksanaan langsung. Perkara ini melibatkan penterjemahan maksud undang-undang ke dalam garis panduan yang boleh dikuatkuasakan dalam universiti. Akhir sekali, keberkesanan peraturan dalaman diukur dengan kesan ketara dan daya pengikatnya terhadap kakitangan dan mahasiswa. Ketidakberkesanan pada dasarnya menandakan kekurangan legitimasi, maka ia menunjukkan kegagalan untuk mencapai hasil yang diharapkan dalam komuniti universiti. Lindsay (2008) memberikan pandangan bahawa universiti dapat dikaitkan dengan dinamik undang-undang pentadbiran, dan mempunyai hubungan yang jelas dalam penerapan prinsip keadilan semula jadi yang berterusan. Konsep disiplin universiti adalah penting untuk menegakkan ketenteraman dan reputasi institusi yang terungkap melalui perundangan bawahan atau dasar dalaman yang berkembang secara dinamik dan bukannya kekal statik. Interaksi yang rumit ini mencerminkan landskap sejarah dan kawal selia yang kompleks yang membentuk tadbir urus dan fungsi universiti.

Dalam mengemudi latar belakang mahasiswa yang pelbagai, adalah penting untuk mengetahui tahap kepuasan dan persepsi mahasiswa terhadap peraturan universiti sedia ada. Ini bagi membolehkan komunikasi antara pihak universiti dan mahasiswa dapat dipertingkatkan, peraturan sedia yang dianggap kurang relevan diperhalusi, serta peraturan bukan sahaja difahami tetapi turut dipatuhi. Pendekatan holistik ini mampu memupuk suasana kampus yang positif dan harmoni serta menggalakkan rasa tanggungjawab dan komitmen bersama dalam kalangan mahasiswa dan komuniti universiti. Oleh itu, artikel ini menggariskan dua objektif kajian iaitu:

1. Mengenal pasti tahap kepuasan mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia terhadap peraturan yang telah ditetapkan oleh universiti.
2. Mengkaji persepsi mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia terhadap peraturan universiti.

PERMASALAHAN KAJIAN

Persekitaran universiti lazimnya dibentuk melalui rangka kerja undang-undang dan garis panduan yang dirumus dengan teliti bagi memelihara moral, ketenteraman serta mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif. Dalam konteks pendidikan tinggi global yang semakin dinamik, setiap universiti telah membangunkan dasar dan prosedur tersendiri untuk mengawal tingkah laku mahasiswa melalui sistem peraturan. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2007), peraturan merujuk kepada “segala yang ditentukan dan harus dipatuhi”. Peraturan sedemikian merangkumi aspek seperti tanggungjawab sosial, kelakuan beretika dan integriti akademik. Secara umum, peraturan ini dianggap penting dan berupaya memberi kesan signifikan terhadap kehidupan seharian mahasiswa. Namun, penyelidikan empirikal yang menilai bagaimana tahap kepuasan dan persepsi mahasiswa terhadap peraturan universiti masih terhad.

Kajian oleh Alerby (2003) mendapati kebanyakan pelajar sekolah mempunyai persepsi negatif terhadap peraturan yang dikenakan, kerana dianggap terlalu ketat walaupun terdapat pengiktirafan terhadap kepentingan beberapa peraturan tertentu. Dalam kajian oleh Lewis dan

Lovegrove (1987), 42% pelajar melaporkan ketidakpuasan hati terhadap campur tangan disiplin pihak pentadbiran, khususnya apabila prosedur pengendalian salah laku dianggap tidak wajar. Keadaan ini turut dijelaskan oleh Duke (1978), yang menyatakan bahawa isu disiplin sering berkait rapat dengan cara pihak pentadbiran menangani salah laku dalam konteks sebenar. Besag dan Nelson (1984) pula menegaskan bahawa institusi pendidikan sebagai entiti sosial menyebarkan nilai dominan melalui proses yang kurang kritis, sekali gus menyebabkan pelajar dinilai berdasarkan tahap kepatuhan mereka terhadap sistem nilai yang ditetapkan.

Memahami tahap kepuasan mahasiswa terhadap peraturan yang telah ditetapkan oleh universiti adalah penting kerana ia berpotensi memberi kesan positif terhadap pembentukan sahsiah serta pencapaian akademik mereka. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap kepuasan dan persepsi mahasiswa UKM terhadap peraturan universiti. Dengan meneliti jurang pengetahuan ini melalui penyelidikan yang sistematik, pengkaji dapat mengenal pasti kesan peraturan universiti dalam menyumbang kepada kejayaan para mahasiswa.

KAJIAN LITERATUR

Kajian yang dijalankan oleh Wanda, Ahmad dan Fitriani (2021) untuk melihat bagaimana pelaksanaan peraturan sekolah dapat menjadikan disiplin para guru dan murid bertambah baik. Dalam kajian berkenaan, terdapat faktor dalaman dan faktor luaran yang menjadi punca kejayaan atau kegagalan kepatuhan murid terhadap peraturan sekolah. Antara faktor dalaman yang didapati ialah kekurangan konsistensi daripada para guru dalam menguatkuasakan peraturan kelas, kelakuan pelajar yang sukar dikawal sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran, kekurangan komunikasi antara guru dan murid dalam menyelesaikan masalah serta masa pemantauan dan pemerhatian murid yang terbatas. Selain itu, faktor luaran pula merujuk kepada sokongan dan ikut serta daripada ibu bapa yang kurang dalam penguatkuasaan peraturan serta jarak perjalanan ke sekolah yang jauh menyebabkan pihak sekolah mengalami masalah pelajar lewat yang berterusan. Sampel kajian ini diperoleh daripada kaedah kualitatif yang dijalankan di salah sebuah SMA Negeri di Indonesia dengan pengkaji menemu bual pengetua, guru, staf dan murid di sekolah-sekolah pilihan. Dapatan kajian menunjukkan guru, ibu bapa dan murid itu sendiri perlu memainkan peranan masing-masing dalam pematuhan peraturan sekolah. Sebagai contoh, terdapat kes pelajar yang tidak hadir tanpa surat makluman, dan apabila perkara tersebut dimaklumkan kepada penjaga pelajar, tiada tindakan yang diambil oleh mereka. Perkara ini mengakibatkan kes berulang kerana sikap penjaga yang tidak ambil peduli tentang peraturan sekolah. Hal ini menunjukkan bahawa penyertaan ibu bapa adalah amat penting bagi meningkatkan disiplin murid.

Seterusnya, penulisan Abdurrahman (1999) menonjolkan pengaruh persekitaran rumah, sekolah dan komuniti terhadap peraturan sekolah. Ia menekankan bahawa suasana kekeluargaan memberikan pengaruh yang kuat dan signifikan dalam membentuk perjalanan pendidikan seseorang individu. Selain itu, persekitaran sekolah memainkan peranan penting dalam memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran secara sistematik, manakala faktor masyarakat pula mempengaruhi tingkah laku individu. Penyelidikan mencadangkan bahawa kanak-kanak yang meluangkan masa dan bergaul dengan rakan sebaya yang melanggar peraturan lebih cenderung untuk melakukan perkara yang sama. Hal ini menekankan kesan pengaruh luaran yang

pesat dan kuat terhadap tingkah laku para pelajar. Kajian Hadiani (2008) yang melibatkan 43 orang pelajar yang diambil secara rawak mudah di Sekolah Dasar Negeri Sukakarya II Samarang Garut pula menyokong keterangan Abdurrahman dengan menunjukkan peratusan pengaruh peraturan dalam pembinaan disiplin pelajar yang hanya menyumbang sebanyak 39% sementara 61% selebihnya adalah daripada faktor-faktor yang lain.

Kajian oleh Okon, Ajah, dan Ekarika (2022) menekankan bahawa persepsi pelajar terhadap disiplin universiti memainkan peranan penting dalam menentukan tahap kepatuhan mereka terhadap peraturan. Berdasarkan soal selidik yang dilakukan terhadap 431 pelajar universiti awam di Cross River State, Nigeria, dapatan menunjukkan bahawa pelajar yang melihat peraturan sebagai adil, relevan, dan rasional lebih cenderung mematuhi garis panduan institusi. Sebaliknya, persepsi negatif terhadap peraturan yang dianggap terlalu ketat atau tidak relevan mengurangkan tahap kepatuhan. Penemuan ini menegaskan bahawa keberkesanan peraturan universiti bukan sahaja bergantung kepada kewujudan garis panduan itu sendiri, tetapi juga kepada persepsi dan penerimaan pelajar terhadapnya.

Dalam konteks universiti swasta di Indonesia, kajian oleh Gempita dan Hatma (2025) menunjukkan hubungan yang signifikan antara pematuhan pelajar terhadap peraturan akademik dan tahap kepuasan mereka. Menggunakan kaedah *Structural Equation Modeling* (SEM) dengan 265 responden, kajian ini mendapati bahawa pelajar yang mematuhi peraturan akademik melaporkan tahap kepuasan yang lebih tinggi, yang seterusnya memberi kesan positif kepada imej dan daya saing institusi. Hasil ini menyokong hipotesis bahawa pematuhan peraturan bukan sekadar mekanisme kawalan, tetapi juga faktor yang mempengaruhi persepsi positif terhadap pengalaman pendidikan dan reputasi universiti.

Ferdinand, Ojeme, dan Ruth (2015) menekankan bahawa kesedaran pelajar terhadap tujuan dan rasional peraturan adalah penentu utama tahap kepatuhan mereka. Kajian ini meneliti pematuhan pelajar terhadap peraturan perpustakaan di sebuah universiti Nigeria dan mendapati bahawa pelajar yang memahami fungsi dan manfaat peraturan lebih cenderung mematuhi. Dapatan ini menunjukkan bahawa komunikasi yang jelas dan pendidikan tentang kepentingan peraturan memainkan peranan kritikal dalam meningkatkan tahap pematuhan pelajar, serta mengurangkan pelanggaran atau ketidakpatuhan yang tidak disengajakan.

Selain itu, Abdul Rahman dan Bohari (2011) menjalankan kajian di Universiti Utara Malaysia bagi menilai tahap kesedaran dan pematuhan pelajar terhadap peraturan penggunaan komputer. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pematuhan adalah sederhana hingga tinggi, dengan faktor yang mempengaruhi termasuk pemahaman tentang akibat pelanggaran dan kepentingan peraturan dalam konteks akademik. Kajian ini memberikan bukti empirikal dari konteks Malaysia bahawa kesedaran pelajar dan penekanan terhadap akibat yang logik dapat meningkatkan tahap pematuhan, sejajar dengan prinsip pendidikan disiplin yang berkesan.

Manakala kajian oleh Roslan dan Halmi (2022) menekankan bahawa persekitaran kampus yang teratur dan sistem penguatkuasaan peraturan yang jelas dapat mempengaruhi tingkah laku pelajar. Dapatan menunjukkan bahawa pelajar lebih cenderung mematuhi peraturan jika mereka menganggap peraturan itu adil, relevan, dan disokong oleh institusi. Selain itu, faktor sosial dan sokongan institusi turut memainkan peranan dalam memupuk disiplin dan mengurangkan perilaku tidak beretika. Kesimpulannya, pematuhan peraturan bukan sahaja bergantung kepada garis panduan itu sendiri, tetapi juga kepada konteks persekitaran dan strategi komunikasi institusi yang berkesan.

METODOLOGI KAJIAN

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), metodologi membawa maksud “sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam suatu kegiatan mendisiplin”. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif sebagai kaedah utama untuk menjawab semua objektif kajian yang digariskan dengan menggunakan analisis data menggunakan perisian SPSS. Matlamat kajian ini adalah untuk memberikan maklumat yang sahih serta dapat memberikan manfaat kepada penyelidikan akademik dan penggubalan dasar universiti. Penyelidikan secara kuantitatif menjadi metodologi pilihan pengkaji kerana ia berkesan untuk menganalisis relevansi peraturan universiti. Penyelidikan kuantitatif membolehkan penyelidik mendapatkan data berangka tanpa kecenderungan subjektif serta mempermudah generalisasi melalui jumlah sampel yang besar yang membolehkan pemahaman melangkaui situasi tertentu. Pengukuran dan kaedah analisis berunsur statistik membolehkan hubungan dan corak ditemui semasa kajian dijalankan.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data iaitu kaedah kuantitatif. Pengkaji menggunakan medium satu set borang soal selidik yang berjaya disebarkan kepada 110 orang responden.

Borang Soal Selidik

Kaedah kajian yang telah digunakan oleh para pengkaji ialah kaedah tinjauan deskriptif dengan menggunakan borang soal selidik untuk memperoleh data kuantitatif. Borang soal selidik yang telah dikendalikan oleh pengkaji merupakan dalam format *Google Form*. Borang ini mempunyai empat bahagian secara keseluruhan, Bahagian A iaitu Demografi Responden, Bahagian B iaitu Tahap Kepuasan Mahasiswa Terhadap Peraturan Universiti, Bahagian C iaitu Persepsi Mahasiswa Terhadap Peraturan Universiti. Jumlah keseluruhan soalan yang perlu dijawab ialah 19 dengan 4 soalan pada Bahagian A, 5 soalan pada Bahagian B, dan 10 soalan pada Bahagian C. Borang ini telah dikendalikan secara kaedah persampelan rawak mudah kepada para mahasiswa dengan jumlah responden yang berjaya diperoleh seramai 110 orang yang terdiri dari pelbagai fakulti termasuk Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan.

Borang soal selidik pada Bahagian B dan C menggunakan Skala Likert bagi menentukan pilihan jawapan responden. Skala Likert yang digunakan adalah seperti di dalam Jadual 1.

Jadual 1. Skala Likert bagi Bahagian B hingga D

Poin	Skala Likert
1	Sangat Setuju
2	Setuju
3	Tidak Setuju
4	Sangat Tidak Setuju

Bagi menganalisis data kajian, pengkaji menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) sebagai alat utama untuk menganalisis data.


Pengumpulan Data

Pengkaji telah mengedarkan set borang soal selidik bermula dengan edaran dalam kumpulan *WhatsApp* kelas serta salah satu kumpulan *WhatsApp* kolej universiti iaitu Kolej Tun Hussein Onn. Kemudian, pengkaji menggunakan platform komunikasi yang lain iaitu aplikasi *Telegram* dengan mengedarkan pautan borang soal selidik dalam beberapa kumpulan seperti 'Ukmsiswaklik Telegram', 'UKM Degree', 'Anak Watan FSSK 22/23' serta 'SET 4 KEMAHIRAN MENULIS'. Pengkaji juga telah mengedarkan borang soal selidik kepada rakan-rakan mereka yang berada di fakulti lain secara peribadi. Akhirnya, seramai 110 responden berjaya dari pelbagai fakulti berjaya dikumpulkan dalam jangka masa satu hingga dua minggu.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN


Bahagian A: Demografi Responden

Berdasarkan soal selidik yang telah diagihkan dan dikemukakan, Bahagian A mengandungi maklumat demografi responden. Segmen ini mengandungi empat soalan secara keseluruhannya iaitu jantina responden, umur, tahun pengajian dan fakulti pengajian responden. Penyelidikan yang telah dijalankan ini melibatkan 110 mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia bertujuan meneroka perspektif mahasiswa-mahasiswa tersebut terhadap peraturan universiti. Pecahan analisis latar belakang, termasuk jantina, umur, fakulti dan tahun pengajian, telah dijelaskan pada Rajah 1 hingga 4.



Rajah 1. Jantina Responden

Dapatan hasil kajian bagi kategori Jumlah Responden menunjukkan daripada 110 responden, seramai 81 orang iaitu 73.64% adalah terdiri daripada mahasiswa perempuan, manakala selebihnya iaitu sebanyak 29 orang (26.36%) merupakan mahasiswa lelaki. Maklumat ini memberikan penerangan yang amat jelas mengenai komposisi sampel tinjauan yang dilakukan oleh pengkaji yang menyerlahkan dominasi penyertaan perempuan dalam kajian.



Rajah 2. Umur Responden


Berdasarkan Rajah 2, terdapat 3 kategori umur responden dimana majoriti responden yang mengambil bahagian berumur antara 21 tahun hingga 24 tahun dengan bilangan sebanyak 65 orang (59.09%). Kumpulan umur yang kedua tertinggi adalah daripada responden yang berumur 18 tahun hingga 20 tahun dengan bilangan seramai 44 orang (40%). Seterusnya, kumpulan umur yang

paling kurang penyertaan adalah daripada lingkungan 25 tahun hingga 28 tahun dengan hanya 1 orang responden sahaja iaitu bersamaan 0.91%.

Jadual 2. Fakulti Responden

Fakulti	Frekuensi (f)	Peratusan (%)
Sains Sosial Kemanusiaan	44	40.00
Undang-Undang	3	2.73
Pergigian	5	4.55
Kejuruteraan dan Alam Bina	6	5.45
Sains dan Teknologi	22	20.00
Pendidikan	4	3.64
Ekonomi dan Pengurusan	12	10.91
Teknologi dan Sains Maklumat	6	5.45
Pengajian Islam	7	6.36
Sains Kesihatan	1	0.91
Farmasi	0	0.00
Pusat Pengajian Citra Universiti	0	0.00
Jumlah Keseluruhan	110	100.00

Terdapat 13 fakulti di Universiti Kebangsaan Malaysia. Namun kajian ini hanya memfokuskan kepada 12 fakulti sahaja. Berdasarkan Jadual 2, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan mencatatkan responden tertinggi iaitu seramai 44 orang (40%). Fakulti yang kedua tertinggi pula ialah Fakulti Sains dan Teknologi iaitu sebanyak 22 responden (20%). Fakulti ketiga pula ialah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan iaitu sebanyak 12 orang responden bersamaan 10.91%. Fakulti lain masing-masing memegang angka digit tunggal bermula dengan Fakulti Pengajian Islam iaitu seramai 7 orang (6.36%) . Seterusnya, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina serta Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat masing-masing mempunyai 6 responden dengan peratusan sebanyak 5.45%. Seterusnya, terdapat 5 orang responden daripada Fakulti Pergigian iaitu bersamaan dengan 4.55%, manakala 4 orang daripada keseluruhan responden mewakili 3.64% merupakan pelajar Fakulti Pendidikan. Selain itu, 3 orang pelajar bersamaan 2.73% dari Fakulti Undang-Undang, manakala 1 orang pelajar bersamaan 0.91% mewakili Fakulti Sains Kesihatan. Walaubagaimanapun, Fakulti Farmasi dan Fakulti Pusat Pengajian Citra mendapat sifar responden.



Rajah 3. Tahun Pengajian Responden

Terdapat 4 pilihan jawapan bagi soal selidik ini iaitu tahun 1, tahun 2, tahun 3 dan tahun 4. Namun tiada respons yang diberi bagi pilihan jawapan tahun 4. Berdasarkan Rajah 3, dapat dilihat bahawa kumpulan responden yang mendominasi kajian ini ialah mahasiswa tahun 2 dengan bilangan sebanyak 47 orang bersamaan 42.73%. Kumpulan responden kedua tertinggi ialah mahasiswa tahun 1 yang mencatatkan jumlah seramai 38 orang dengan peratusan 34.55%, manakala kumpulan responden yang paling rendah ialah mahasiswa tahun 3 iaitu 25 orang dengan peratusan 22.73%. Secara keseluruhannya, dapat dilihat bahawa perbezaan bilangan antara ketiga-tiga kumpulan, dengan pengecualian kumpulan mahasiswa tahun 4, tidak mempunyai jurang yang ketara, menunjukkan borang soal selidik telah diedarkan secara menyeluruh.

Bahagian B: Tahap Kepuasan Mahasiswa Terhadap Peraturan Universiti

Bahagian B mengukur tahap kepuasan mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia terhadap peraturan universiti. Statistik menunjukkan bahawa kesemua 110 responden telah menjawab bahagian ini. Terdapat 5 soalan secara keseluruhannya dan setiap soalan yang diberikan direka untuk meneliti tahap kepuasan mahasiswa terhadap peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di universiti.

Jadual 5. Tahap Kepuasan Mahasiswa Terhadap Peraturan Universiti

Item	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Neutral		Setuju		Sangat Setuju	
	Frekuensi (f)	Peratusan (%)	Frekuensi (f)	Peratusan (%)	Frekuensi (f)	Peratusan (%)	Frekuensi (f)	Peratusan (%)	Frekuensi (f)	Peratusan (%)
1. Saya berpuas hati dengan segala peraturan semasa yang terdapat di dalam UKM	0	0.00	15	13.64	53	48.18	26	23.64	16	14.55
2. Peraturan sedia ada menyumbang perkara yang positif kepada keseluruhan UKM	0	0.00	9	8.18	38	34.55	44	40.00	19	17.27
3. Segala peraturan di UKM masih relevan dan tidak ketinggalan zaman	3	2.73	20	18.18	33	30.00	43	39.09	11	10.00
4. Peraturan di UKM dilihat konsisten dan adil kepada seluruh pelajar	3	2.73	23	20.91	39	35.45	34	30.91	11	10.00
5. Terdapat peraturan yang sepatutnya diubah suai agar lebih sesuai dengan komuniti pelajar	0	0.00	6	5.45	25	22.73	53	48.18	26	23.64

Jadual 5 menunjukkan majoriti responden memilih neutral bagi kenyataan “Saya berpuas hati dengan segala peraturan semasa yang terdapat di dalam UKM” dengan bilangan seramai 53 responden iaitu bersamaan 48.18%. Hal ini demikian kerana peraturan di UKM kemungkinan tidak memberikan apa-apa kesan besar kepada mahasiswa tersebut pada masa ini. 26 responden pula bersetuju dengan pernyataan tersebut iaitu bersamaan 23.64%, diikuti dengan 14.55% atau 16 responden memilih sangat bersetuju. Peratusan ini menunjukkan bahawa terdapat golongan mahasiswa di UKM yang berpuas hati dengan peraturan yang telah ditetapkan, dan tidak mempunyai masalah untuk mengikutinya. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir mahasiswa yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut dan berasa tidak puas hati dengan peraturan semasa yang ditetapkan iaitu seramai 15 orang bersamaan 13.64%.

Bagi soalan kedua iaitu “Peraturan sedia ada menyumbang perkara yang positif kepada keseluruhan UKM”, seramai 9 responden (8.18%) menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju dengan kenyataan berikut. Kenyataan itu mungkin dilihat agak lapuk dan peraturan yang sedia ada tidak dapat menyumbangkan apa-apa bentuk kebaikan kepada responden. Namun begitu, majoriti responden iaitu seramai 44 orang (40%) mempunyai pandangan yang berlainan iaitu mereka bersetuju dengan kenyataan tersebut, diikuti dengan mereka yang sangat bersetuju ialah seramai 19 responden iaitu bersamaan 17.27%. Selain itu, seramai 34.55% iaitu sebanyak 38 responden pula memilih jawapan neutral dengan pernyataan tersebut. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kebanyakan mahasiswa melihat peraturan di UKM dapat memberikan kesan positif kepada mahasiswa di samping dapat memberikan manfaat yang membentuk sahsiah diri.

Soalan berkaitan “Segala peraturan di UKM masih relevan dan tidak ketinggalan zaman” menunjukkan sebanyak 2.73% (3 responden) sangat tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut dan berpendapat bahawa terdapat peraturan yang sudah lama atau lapuk yang perlu diubah mengikut edaran masa. Selain itu, seramai 20 responden bersamaan 18.18% juga memilih tidak bersetuju bagi pernyataan berikut. Sebaliknya, seramai 33 responden (30%) memilih neutral dan mereka tidak pasti sama ada peraturan yang ditetapkan masih relevan atau tidak. Majoriti responden iaitu sebanyak 39.09% (43 responden) bersetuju dengan pernyataan tersebut. 11 orang bersamaan 10.00% responden pula sangat bersetuju dengan soalan yang diberikan. Perkara ini berkemungkinan kerana mereka merasakan bahawa peraturan di UKM masih dianggap relevan.

Jadual 5 turut menunjukkan seramai 3 responden atau 2.73% sangat tidak bersetuju dengan kenyataan “Peraturan di UKM dilihat konsisten dan adil kepada seluruh pelajar”, diikuti dengan 23 responden atau 20.91% tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Dapat dirumuskan bahawa terdapat sebahagian kecil mahasiswa yang kurang berpuas hati dengan kenyataan tersebut dan mereka melihat peraturan-peraturan di UKM adalah tidak konsisten seperti yang disangka dan tidak memenuhi kehendak serta keperluan mahasiswa. Namun begitu, majoriti responden iaitu sebanyak 35.45% (39 responden) memilih neutral bagi kenyataan tersebut. Seterusnya, 30.91% (34 responden) bersetuju dengan kenyataan di atas, diikuti dengan 10% (11 responden) yang juga sangat bersetuju dan berpendapat bahawa peraturan di universiti membawa keadilan kepada mahasiswa.

Kenyataan terakhir di dalam bahagian ini iaitu “terdapat peraturan yang sepatutnya diubah suai agar lebih sesuai dengan komuniti pelajar” menunjukkan 6 responden (5.45%) memilih tidak setuju dengan kenyataan berikut. Hal ini kerana mereka berpendapat bahawa peraturan kini sudah mencukupi dan memadai untuk memenuhi kebajikan mahasiswa. Selain itu, 25 responden (22.73%) memilih neutral dan mereka tidak dapat memberikan kata putus terhadap kenyataan tersebut, manakala, majoriti responden iaitu seramai 53 responden (48.18%) bersetuju dan percaya bahawa peraturan yang telah ditetapkan memerlukan pengubahsuaian bagi memenuhi kehendak dan keperluan komuniti mahasiswa di universiti. Di samping itu, 23.64% iaitu bersamaan dengan 26 responden juga sangat bersetuju dan menyokong keputusan majoriti atas kemungkinan yang sama.

Bahagian C: Persepsi Mahasiswa Terhadap Peraturan Universiti

Bahagian C merupakan bahagian untuk menilai persepsi mahasiswa terhadap peraturan universiti. Statistik menunjukkan bahawa kesemua 110 responden telah menjawab bahagian ini. Terdapat 10 soalan secara keseluruhannya yang berkaitan dengan impak dan faktor.

Jadual 6. Persepsi Mahasiswa Terhadap Peraturan Universiti

Item	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Neutral		Setuju		Sangat Setuju	
	Frekuensi (f)	Peratusan (%)	Frekuensi (f)	Peratusan (%)	Frekuensi (f)	Peratusan (%)	Frekuensi (f)	Peratusan (%)	Frekuensi (f)	Peratusan (%)
1. Semua peraturan UKM menyokong dan melengkapkan perkhidmatan kepada pelajar seperti bahagian kaunseling dan akademik.	0	0.00	1	0.90	3	3.60	105	94.59	1	0.90
2. Segala peraturan sangat cakna dan sensitif terutama dalam sensitiviti budaya	1	0.90	15	13.51	27	25.23	54	48.65	13	11.71
3. Segala peraturan mudah diakses oleh semua pelajar termasuk pelajar kurang upaya	1	0.90	18	16.22	32	29.73	47	42.34	12	10.81
4. Peraturan di UKM dapat menggalakkan kelestarian alam sekitar	0	0.00	7	6.31	38	35.14	54	48.65	11	9.91
5. Peraturan di UKM memberikan kesan krisis kewangan kepada para pelajar seperti membayar denda dan yuran	0	0.00	14	12.61	34	31.53	44	39.64	18	16.22
1. Saya bersetuju dengan peraturan kod pakaian dimana pelajar sepatutnya mematuhi garis panduan tentang pakaian yang boleh dipakai di kelas	0	0.00	11	10.00	24	21.82	43	39.09	32	29.09
2. Saya bersetuju dengan peraturan dimana pelajar hendaklah memenuhi sejumlah bilangan citra mengikut fakulti untuk syarat bergraduasi	16	14.55	36	32.73	21	19.09	26	23.64	11	10.00
3. Saya bersetuju dengan peraturan menangguhkan keputusan peperiksaan dan pendaftaran sesi hadapan sekiranya gagal menjelaskan kesemua bayaran kepada UKM	5	4.55	30	27.27	22	20.00	35	31.82	18	16.36
4. Saya bersetuju dengan peraturan dimana pelajar Sarjana Muda hendaklah menetap di kolej kediaman UKM selama 2 semester	7	6.36	18	16.36	18	16.36	41	37.27	26	23.64
5. Saya bersetuju dengan peraturan barangan elektronik dimana setiap pelajar hendaklah membawa barangan elektronik tidak melebihi had kapasiti yang di hadkan oleh setiap kolej	5	4.55	20	18.18	28	25.45	42	38.18	15	13.64

Jadual 6 menunjukkan majoriti mahasiswa bersetuju dengan kenyataan “Semua peraturan UKM menyokong dan melengkapkan perkhidmatan kepada pelajar” dengan peratusan sebanyak 94.59% iaitu bersamaan dengan 105 responden. Hal ini berlaku kerana universiti menyediakan pelbagai perkhidmatan yang berkaitan untuk membantu mahasiswa dengan efisien. Selain itu, responden yang tidak bersetuju dan sangat bersetuju mencatatkan peratusan terendah iaitu sebanyak 1 responden (0.90%) sahaja. Respons neutral pula dianggarkan sebanyak 3 responden bersamaan 3.60%.

Bagi kenyataan “Segala peraturan sangat cakna dan sensitif terutama dalam sensitiviti budaya”, majoriti mahasiswa yang terdiri daripada 48.65% atau 54 responden menyatakan bahawa mereka bersetuju dengan pernyataan tersebut. Hal ini disokong dengan mereka yang memilih sangat setuju iaitu 11.71% atau 13 responden. Peratusan yang tinggi ini boleh dikaitkan dengan ketelitian sesuatu peraturan di buat dengan mengambil kira aspek sensitiviti budaya. Sebaliknya, hanya 1 responden memilih sangat tidak setuju, disokong dengan mereka di bawah kategori tidak setuju iaitu 13.51% bersamaan 15 responden. Pandangan berbeza ini menunjukkan masih wujud kebimbangan terhadap isu sensitiviti dan para mahasiswa berkemungkinan kurang pendedahan mengenai isu sensitif dalam peraturan sedia ada.

Seterusnya, data menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 42.34% (47 responden) menyatakan persetujuan dengan kenyataan bahawa “Segala peraturan mudah diakses oleh semua pelajar termasuk pelajar kurang upaya”. Selain itu, 10.81% atau 12 responden sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Sebaliknya, hanya minoriti mahasiswa yang menyatakan sangat tidak setuju iaitu 0.90% atau 1 responden, manakala 16.22% atau 18 responden dikategori sebagai tidak bersetuju. Percanggahan ini mungkin berpunca daripada persepsi responden bahawa peraturan di UKM kurang jelas dan tidak mencakupi untuk individu kurang upaya. Seramai 32 responden sahaja iaitu 29.73% berpendirian neutral.

Majoriti responden menunjukkan mereka bersetuju dengan kenyataan “Segala peraturan mudah diakses oleh semua pelajar termasuk pelajar kurang upaya” iaitu dengan peratusan sebanyak 48.65% atau 54 responden manakala responden yang memilih sangat setuju ialah sebanyak 9.91% atau 11 responden. Hal ini demikian kerana pihak universiti juga telah merangka peraturan yang bertujuan menggalakkan kelestarian alam sekitar dan mengutamakan kepentingan penjagaan alam sekitar. Selain itu, responden yang tidak bersetuju mempunyai peratusan yang terendah iaitu sebanyak 6.31% atau 7 responden. 35.14% atau 38 responden pula memilih neutral bagi kenyataan tersebut kerana mereka berasa kurang pasti akan keberkesanan peraturan UKM dalam mementingkan kelestarian alam sekitar.

Kenyataan “Peraturan di UKM memberikan kesan krisis kewangan kepada para pelajar seperti membayar denda dan yuran” menunjukkan bahawa majoriti responden yang terdiri daripada 39.64%, menyatakan persetujuan dengan pernyataan yang diberikan dan 18 responden (16.22%) sangat setuju dengan kenyataan tersebut. Kesepakatan ini adalah disebabkan oleh beban kewangan yang dirasakan mahasiswa, terutamanya apabila menyelesaikan denda atau yuran universiti yang boleh mengakibatkan sumber tekanan kewangan kepada mereka. Sebaliknya, mereka yang tidak setuju adalah 14 responden sahaja dan ini menyumbang kepada 12.61%. Hal ini menegaskan bahawa peraturan yang ditetapkan tidak menimbulkan cabaran kewangan. Seterusnya, 34 individu bersamaan 31.53% diperhatikan dalam kalangan responden yang memilih neutral. Perspektif yang pelbagai ini adalah disebabkan latar belakang kewangan yang pelbagai dalam kalangan responden.

Berdasarkan kenyataan “Saya bersetuju dengan peraturan kod pakaian dimana pelajar sepatutnya mematuhi garis panduan tentang pakaian yang boleh dipakai di kelas”, 43 responden

(39.09%) memilih setuju dan 32 responden (29.09%) memilih sangat bersetuju. Penemuan ini menunjukkan sokongan padu terhadap peraturan yang ditetapkan universiti berkaitan kod atau etika pakaian di kelas. Selain itu, ia menunjukkan bahawa mahasiswa tidak merasa terbeban dengan peraturan kod pakaian. Ketidadaan mahasiswa yang sangat tidak bersetuju dengan kenyataan berikut memperkukuh lagi perkara ini. Sebaliknya, terdapat hanya 10% atau 11 responden menyatakan bahawa mereka tidak setuju dengan kenyataan yang dinyatakan manakala respons neutral membentuk 21.82% atau 24 responden.

Seterusnya, kenyataan “Saya bersetuju dengan peraturan dimana pelajar hendaklah memenuhi sejumlah bilangan citra mengikut fakulti untuk syarat bergraduasi” mendapat pertentangan tertinggi dalam kalangan responden. Peraturan yang tinggi iaitu sebanyak 14.55% atau 16 responden memilih sangat tidak setuju, dan 32.73% atau 36 responden memilih tidak setuju menunjukkan responden merasakan perkara tersebut tidak wajar diletakkan sebagai salah satu syarat graduasi. Hal ini demikian kerana kebanyakan mahasiswa tidak mampu memenuhi kredit subjek elektif citra universiti. Perkara ini dapat dijelaskan juga apabila hanya 11 responden memilih sangat setuju yang merangkumi 10%, manakala yang bersetuju dengan kenyataan tersebut merangkumi 26 responden atau 23.64% sahaja. Responden yang memilih neutral pula ialah sebanyak 19.09% bersamaan 21 responden.

“Saya bersetuju dengan peraturan menanggungkan keputusan peperiksaan dan pendaftaran sesi hadapan sekiranya gagal menjelaskan kesemua bayaran kepada UKM” menunjukkan bahawa majoriti responden yang terdiri daripada 35 individu atau 31.82% bersetuju dan 16.36% atau 18 responden sangat bersetuju dengan kenyataan yang diberikan, manakala sebahagian kecil yang mewakili 27.27% atau 30 responden menyatakan tidak setuju dengan peraturan yang telah ditetapkan serta 4.55% daripada responden bersamaan 5 individu sangat tidak bersetuju. Dapatan kajian mencadangkan sentimen yang wujud dalam kalangan responden bahawa universiti harus mempertimbangkan beban kewangan dalam konteks menyambung pengajian dan menyemak keputusan peperiksaan. Pendirian neutral pula menunjukkan 20% atau 22 responden yang menganggap satu semester memadai untuk menguruskan tanggungjawab kewangan mereka dengan berkesan.

Kenyataan “Saya bersetuju dengan peraturan dimana pelajar Sarjana Muda hendaklah menetap di kolej kediaman UKM selama 2 semester” menunjukkan 37.27% responden yang berjumlah 41 individu memilih bersetuju dengan kenyataan tersebut manakala 23.64% bersamaan 26 individu memilih sangat setuju. Penyataan ini menunjukkan tahap sokongan tertinggi dalam bahagian ini. Sebaliknya, kategori tidak setuju memperoleh 18 responden yang membentuk 16.36%, dan pilihan sangat tidak setuju menerima 6.36% bersamaan 7 responden sahaja. 16.36% daripada responden atau 18 individu memilih neutral terhadap kenyataan ini. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti tidak mempunyai kebimbangan mengenai syarat atau peraturan yang berkaitan dengan kedudukan mereka di kolej kediaman. Mereka berkemungkinan menganggap bahawa peraturan yang ditetapkan adalah adil dan saksama bagi semua mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kenyataan terakhir iaitu “Saya bersetuju dengan peraturan barangan elektronik dimana setiap pelajar hendaklah membawa barangan elektronik tidak melebihi had kapasiti yang di hadkan oleh setiap kolej” memperoleh kadar persetujuan yang tinggi iaitu seramai 42 responden bersamaan dengan 38.18% memilih setuju, manakala sebanyak 15 responden iaitu 13.64% memilih sangat setuju. Gabungan kedua-dua respons ini mencecah hampir 51.82% daripada jumlah responden yang mengisi soal selidik. Responden mendapati bahawa peraturan ini munasabah dan relevan untuk diterapkan, memandangkan umur dan kondisi kolej kediaman yang

lama sejak kewujudan universiti. Sebaliknya, jumlah responden yang memilih tidak setuju hanyalah 20 responden atau 18.18%, dan sangat tidak setuju sebanyak 5 responden atau 4.55% sahaja. Kedua-dua respons ini mewakili 22.73% daripada keseluruhan responden. Mereka berpendapat bahawa barangan elektronik merupakan barangan asas yang perlu digunakan dalam kehidupan seharian. Responden yang neutral bagi kenyataan ini hanya merangkumi 28 individu atau 25.45% sahaja.

KESIMPULAN

Kajian ini dapat disimpulkan bahawa walaupun terdapat pelbagai peraturan yang telah ditetapkan oleh universiti namun rang undang-undang tersebut tidak menjamin kepada pematuhannya jika tiada kesedaran dalam kalangan mahasiswa. Hasil kajian menunjukkan segelintir kecil mahasiswa tidak berpuas hati dengan peraturan yang telah ditetapkan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Hal ini kerana mereka merasakan terdapat sebilangan peraturan di universiti yang sudah tidak relevan pada masa kini. Walau bagaimanapun, peraturan di universiti masih dianggap relevan bagi majoriti responden berdasarkan persetujuan mereka dengan pernyataan yang diberikan di dalam soal selidik. Hasil analisis deskriptif juga menunjukkan majoriti mahasiswa berpuas hati dengan peraturan di institusi mereka. Para pelajar sewajarnya diberikan kesedaran mengenai maksud ataupun nilai tersendiri peraturan sedia ada bagi meningkatkan kadar kepatuhan mereka dan demi kesejahteraan semua. Maklum balas yang diterima daripada 110 responden di harap dapat membantu pihak universiti dan penggubal dasar berkenaan pelaksanaan peraturan yang berkesan.

PENGHARGAAN

Penulis ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tulus kepada semua responden yang telah mengambil bahagian dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Abdul Rahman, N. A. and Bohari, A. M. 2011. Penilaian tahap kesedaran, keberkesanan dan pematuhan terhadap peraturan penggunaan komputer: Kajian kes di Universiti Utara Malaysia. *Jurnal Intelek* 6(2), 158-67. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/33744>
- Abdurrahman, M. 1999. Pendidikan bagi anak berkesulitan belajar. Jakarta: Rineka Cipta.
- Alerby, E. 2003. 'During the break we have fun': A study concerning pupils' experience of school. *Educational Research* 45(1): 17-28. https://www.researchgate.net/publication/240531844_'During_the_Break_We_Have_Fun'_A_Study_Concerning_Pupils'_Experience_of_School (diakses pada Disember 19, 2023).
- Arikunto, S. 1990. Manajemen pengajaran secara manusiawi. Jakarta: Rineka Cipta.
- Besag F. P. and J. L. Nelson. 1984. *The Foundations of Education: Stasis and Change*. 1st ed. New York: Random House.

- Cao, D. 2019. On the effectiveness of internal regulations in colleges and universities. Dalam *Proceedings of the 2018 8th International Conference on Education and Management (ICEM 2018)*, Shenyang, 2018, 155-157. China: Atlantis Press.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2005. *Kamus dewan edisi keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2007. *Kamus dewan edisi keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Duke, D. L. 1978. Adults can be discipline problems too!. *Psychology in the Schools* 15(4): 522-28. <https://onlinelibrary.wiley.com/doi/abs/10.1002/1520-6807%28197810%2915%3A4%3C522%3A%3AAID-PITS2310150414%3E3.0.CO%3B2-R> (diakses pada Desember 19, 2023).
- Ferdinand, O. A., Ojeme, T. N., and Ruth, E. O. 2015. Undergraduate students' awareness and compliance to library rules and regulations in a Nigerian university. *Information and Knowledge Management* 5(10): 42-51. <https://www.iiste.org/Journals/index.php/IKM/article/view/26404>
- Gempita, G. and Hatma, R. 2025. The effect of academic rule compliance through student satisfaction level on the competitive advantage of private universities in Makassar City. *JEINSA: Jurnal Ekonomi Ichsan Sidenreng Rappang* 4(2): 169-76. <https://jeinsa.com/index.php/jurnal/article/view/245>
- Hadianti, L. S. 2008. Pengaruh pelaksanaan tata tertib sekolah terhadap kedisiplinan belajar siswa (Penelitian deskriptif analisis di SDN Sukakarya II Kecamatan Samarang Kabupaten Garut). *Jurnal Pendidikan Universitas Garut* 2(1): 1-8. <https://journal.uniga.ac.id/index.php/JP/article/view/11> (diakses pada Desember 15, 2023).
- Huda, M. K. 2011. Peran peraturan sekolah dalam meningkatkan kedisiplinan siswa di MAN Malang II Batu. Tesis sarjana muda, Maulana Malik Ibrahim State Islamic University Malang.
- Lewis, R. and Lovegrove. M. N. 1987. The teacher as disciplinarian: How do students feel?. *Australian Journal of Education* 31(2): 173-86. <https://journals.sagepub.com/doi/10.1177/000494418703100205> (diakses pada Desember 22, 2023).
- Lindsay, B. 2008. Breaking university rules: Discipline and indiscipline past and present. *Australian Universities' Review* 50(1): 37-9. <https://eric.ed.gov/?id=EJ802281> (diakses pada Desember 21, 2023).
- Okon, M. O., Ajah, M. O., and Ekarika, C. B. 2022. Perception of school discipline and compliance with rules and regulations among public university students in Cross River State, Nigeria. *Journal of Educational Research in Developing Areas*, 3(2), 212-22. <https://www.researchgate.net/publication/361913243>
- Roslan, R. H., and Halmi, N. Z. 2022. Pengaruh persekitaran kampus terhadap perilaku tidak beretika. *E-Journal of Islamic Thought & Understanding (E-JITU)*, 5(2). <https://doi.org/10.24191/ejitu.v5i2.7320>
- Wanda, W., Ahmad, S., and Fitriani, Y. 2021. Implementation of school rules to improve the teachers and student discipline. *Jurnal Penelitian Guru Indonesia* 6(3): 650-655. <https://jurnal.iicet.org/index.php/jpgi/article/view/1103> (diakses pada Desember 15, 2023).

DANIA ARISSA MUHAMAD ZAHARIN
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

NUR ADRIANA NADHIRA ABDULLAH
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

NIK SHAH NAZRAN SYAHRIL
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

AHMAD FAKHRURRAZIEY AZRIMI
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

FAKHURU' MIKHAEL YAFAR
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

NURUL HANIS AMINUDDIN JAFRY
Pusat Pengajian Citra Universiti
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

AZLAN ABDUL RAHIM*
Pusat Pengajian Citra Universiti
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang koresponden: azrahim@ukm.edu.my

Received: 3 December 2025 / Accepted: 4 December 2025 / Published: 5 December 2025